



4 ELEMEN YANG TURUT MENDASARI K
 Nukilan:
 Noraisah Nurul Fatwa Mohd Razali
 Guru Bahasa Kanan
 Pusat Bahasa Moden (PBM)
 Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)



Karya Kreatif

K.I.T.A di Usia 24

Sempena 24 Tahun Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Dua puluh empat tahun bukan sekadar angka, ia jejak-jejak langkah yang setia, di tanah ilmu yang bernama UMPSA.

di dewan kuliah yang sarat harapan, dengan doa ibu bapa di dada, dan impian yang tidak pernah kecil maknanya.

Namun kita tahu, di sebalik senyuman itu ada resah dan sunyi yang memeluk malam, lalu kita bangkit dengan satu kata, bukan aku, bukan kamu, tetapi K.I.T.A.

KITA yang mendengar tanpa menghakimi, KITA yang memimpin dengan empati, KITA yang percaya, seorang mahasiswa lapar adalah tanggungjawab bersama.

Di usia dua puluh empat ini, ia bukan hanya tentang ijazah di hujung perjalanan, tetapi tentang tangan yang menyambut ketika hampir terjatuh, tentang suara yang diraikan walau datang dari akar yang sederhana.

Dan kita menjawab, "kami akan berjalan bersama."

Dua puluh empat tahun, kita tidak hanya membina bangunan, kita membina manusia yang kuat jiwa, tinggi nilai, dan yakin bahawa mereka dihargai.

Wahai UMPSA, teruslah menjadi rumah yang memanusiaikan, ladang yang menyuburkan potensi, dan pelita yang tidak pernah padam.

Selagi semangat K.I.T.A dipegang erat, akan lahir graduan yang bukan sahaja cemerlang akademik, tetapi sejahtera langkahnya, berani suaranya dan besar hatinya.

Selamat ulang tahun ke-24, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah engkau bukan sekadar universiti, engkau adalah K.I.T.A.



[Creative Work](#)

K.I.T.A di Usia 24

19 February 2026

-
- 15 views

[View PDF](#)